

FAKTOR DAN CARA MENGATASI ISU SCAMMER DI MALAYSIA

(FACTORS AND WAYS TO OVERCOME THE SCAMMER ISSUE IN MALAYSIA)

HAMZAH, S.^{1,2*}

¹ *Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.*

² *Institut Transformasi dan Pembangunan Wilayah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: shahidahh[at]uthm.edu.my*

(Received 10th September 2025; revised 25th November 2025; accepted 02nd December 2025)

Abstrak. Jenayah siber semakin berleluasa dalam era digital masa kini, dengan penipuan (scam) dan penyebaran berita palsu menjadi antara ancaman utama di Malaysia. Scam merujuk kepada perbuatan menipu dengan tujuan untuk mendapatkan wang atau manfaat lain secara tidak sah, manakala berita palsu disebarkan secara sengaja untuk mengelirukan atau memanipulasi persepsi masyarakat. Peningkatan kes scam dan penyebaran berita palsu di Malaysia telah menyebabkan kerugian besar kepada rakyat dan negara. Masalah ini berpunca daripada kurangnya kesedaran masyarakat tentang taktik penjenayah siber dan tindakan pencegahan yang perlahan dari pihak berkuasa, yang membolehkan penjenayah terus memperbaharui taktik mereka. Kajian ini bertujuan untuk memahami situasi semasa kes scammer di Malaysia, mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan jenayah tersebut, dan mencadangkan langkah-langkah pencegahan yang efektif. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, melibatkan analisis soal selidik daripada 101 responden yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat, serta kajian literatur dari sumber-sumber akademik dan media. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti masyarakat sedar akan kepentingan mencegah jenayah siber, namun usaha yang lebih bersepadu melalui undang-undang yang lebih ketat dan pendidikan yang lebih komprehensif diperlukan untuk melindungi rakyat Malaysia daripada menjadi mangsa scammer.

Katakunci: *scammer, berita palsu, Malaysia, faktor, cara mengatasi*

Abstract. Cybercrime is becoming increasingly prevalent in today's digital era, with scams and the spread of fake news emerging as major threats in Malaysia. A scam refers to deceptive acts aimed at illegally obtaining money or other benefits, while fake news is deliberately disseminated to mislead or manipulate public perception. The rising cases of scams and the spread of fake news in Malaysia have resulted in significant losses for both individuals and the nation. This issue stems from the public's lack of awareness regarding cybercriminal tactics and the slow preventive actions by authorities, allowing criminals to continuously refine their methods. This study aims to understand the current scammer situation in Malaysia, identify the factors contributing to the rise of such crimes, and propose effective preventive measures. A quantitative approach was employed, involving a questionnaire survey with 101 respondents from various segments of society, as well as a literature review from academic and media sources. The findings indicate that while the majority of the public recognizes the importance of preventing cybercrime, a more integrated effort through stricter laws and comprehensive education is necessary to protect Malaysians from becoming victims of scams.

Keywords: *scammer, fake news, Malaysia, factors, preventive measures*

Pengenalan

Scam dan berita palsu adalah dua jenis jenayah siber yang semakin membimbangkan masyarakat global, termasuk di Malaysia. Scam merujuk kepada perbuatan menipu

dengan tujuan memperoleh wang atau keuntungan secara tidak jujur daripada orang lain. Dalam konteks ini, penipuan melibatkan individu atau kumpulan yang manipulatif, berpura-pura menjadi orang lain, dan menggunakan pelbagai cara seperti penipuan melalui telefon, e-mel, laman web palsu, dan pertemuan langsung untuk mendapatkan wang, maklumat peribadi, atau aset daripada mangsa mereka. Di Malaysia, bentuk scam yang sering menjerat rakyat termasuk phishing, Macau Scam, dan pelaburan yang tidak wujud. Berita palsu merujuk kepada maklumat yang disebarkan secara sengaja dengan tujuan untuk menyesatkan pembaca atau mengubah fakta bagi mempengaruhi pandangan masyarakat, mencetuskan kekeliruan, atau mempromosikan agenda tertentu. Penyebaran berita palsu kini semakin meluas melalui media sosial dan pelbagai platform dalam talian seperti laman web membeli-belah serta perkongsian video. Kedua-dua fenomena ini berkait rapat dengan kesedaran moral dan sistem sosial. Kesedaran moral melibatkan kawalan diri terhadap penipuan, manakala tindakan masyarakat terhadap penipuan pula merupakan sebahagian daripada sistem sosial yang wujud (Azahari dan Jasmi, 2022).

Dalam konteks jenayah siber, penjenayah siber bertindak mengakses sistem maklumat secara haram untuk mencuri, menyalahgunakan, dan mengkompromi integriti maklumat demi keuntungan kewangan peribadi (Chigada dan Madzinga, 2021). Mereka memperdaya individu yang terdedah dan tidak menyedari bahaya berkongsi maklumat peribadi secara dalam talian, selain tidak mempunyai strategi untuk menangani dunia digital dengan sewajarnya. Jenayah siber dianggap sebagai “fenomena jenayah baharu yang muncul akibat kesan langsung daripada perkembangan teknologi maklumat” (Voronkova et al., 2020). Hal ini dilihat sebagai satu trend moden memandangkan impak besar teknologi terhadap aktiviti jenayah. Ramai pakar dan penyelidik dalam bidang keselamatan siber menekankan hubungan rapat antara pembangunan teknologi maklumat dan peningkatan kadar jenayah siber (Airaj, 2024). Walaupun kedua-dua jenis jenayah ini telah wujud sejak lama, penggunaan teknologi telah mempercepatkan penyebaran masalah ini. Berita palsu kini disebarkan dengan pantas melalui internet, manakala scam terjadi dalam talian atau bersemuka, dengan scammer mempromosikan perkhidmatan atau barang tiruan. Ini menjadikan masalah penipuan dan berita palsu lebih kerap dan mempengaruhi masyarakat dengan lebih mendalam. Pihak berkuasa dan kerajaan telah memberikan pelbagai nasihat dan peringatan melalui media massa dan sosial, namun masalah ini terus berlanjutan, mungkin disebabkan oleh scammer yang kerap menukar modus operandi mereka mengikuti kemajuan teknologi dan tren semasa.

Kenaikan kadar jenayah siber, termasuk penipuan dan penyebaran berita palsu, menunjukkan impak besar terhadap masyarakat, terutama dengan kemajuan teknologi yang pesat. Jenayah siber ini bukan sahaja menyumbang kepada kes jenayah di Malaysia tetapi juga di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Berbeza dengan jenayah lain yang mempunyai bukti fizikal, jenayah siber sering melibatkan pemindahan wang besar dan penggunaan identiti palsu di internet, yang menyukarkan pihak berkuasa untuk mencari bukti dan membendung masalah ini. Masyarakat menjadi tidak selamat untuk mempercayai berita dan iklan yang tersebar di internet akibat penipuan dalam talian dan penyebaran berita palsu yang semakin meningkat. Walaupun usaha dari pihak kerajaan untuk memperketat undang-undang telah dilakukan, masalah ini masih memerlukan perhatian dan tindakan berterusan untuk melindungi masyarakat daripada menjadi mangsa jenayah siber. Oleh itu terdapat tiga objektif kajian ini dijalankan iaitu mengenalpasti situasi bagi kes scammer di Malaysia. Penipuan atau dalam kata lain, scam, terbahagi kepada beberapa cabang di bawahnya termasuklah

jenayah e-dagang, penipuan cinta atau love scam, phishing atau sebagainya telah berlaku secara berleluasa di seluruh dunia dan menjadi satu bentuk ancaman hak kemanusiaan sama ada dari aspek fizikal, psikologi, seksual, emosional, kewangan dan kebendaan serta pencemaran maruah dan kehormatan individu (Boyle, 2020). Scam telah mengancam banyak individu dari pelbagai lapisan umur termasuk golongan muda, warga emas dan golongan yang kurang cakna dengan media sosial. Dengan mengenalpasti situasi kes scammer di Malaysia, penyebaran tentang sekuriti siber dapat dilakukan dan menyedarkan masyarakat media sosial untuk berhati-hati dalam menyebarkan maklumat atau mempercayai iklan di medium tersebut dengan mudah.

Objektif yang kedua bagi kajian ini adalah untuk menyatakan faktor-faktor berlakunya kes scammer. Setiap masalah mempunyai punca yang menyebabkan terjadinya kesulitan tersebut. Dalam kes ini, punca dan faktor kenaikan kes scammer di Malaysia perlu dikenalpasti. Tidak dinafikan bahawa scammer pandai mencari taktik yang tepat untuk meneruskan modus operandi mereka dalam menipu lebih ramai individu dibantu dengan kurang kesedaran dari pengguna media sosial membantu mereka untuk menipu dengan lebih mudah. Dengan pengidentifikasian faktor-faktor berlakunya kes scammer, jenayah tersebut dapat dibendung dengan lebih mudah melalui pencegahannya dari akar umbi sebelum ianya membarah. Tindakan selanjutnya juga mampu diambil sebuah pengajaran kepada masyarakat untuk menunjukkan bahawa menipu orang lain adalah salah satu jenayah yang berat.

Akhir sekali, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mencadangkan kaedah untuk mengatasi atau mengelakkan diri daripada menjadi mangsa scammer. Seperti yang semua sudah tahu, scam atau penipuan ini mendatangkan banyak kesan buruk kepada banyak pihak. Kerajaan perlu mencari cara yang terbaik harus diperolehi dari pelbagai bentuk sama ada undang-undang, dasar kerajaan atau sebagainya untuk menyelamatkan rakyat kita dari terjebak dengan penipuan ini. Bukan itu sahaja, masyarakat dan individu juga berperanan untuk mengelakkan diri mereka dari terpedaya dengan tipu daya scammer dengan berbagai kaedah. Walaupun ramai, rakyat Malaysia yang celik IT, tetapi tidak ramai antara mereka celik dengan keselamatan berkaitan IT (Bidin dan Mohamad, 2015). Pelbagai pihak perlu mengambil peranan dalam membendung masalah ini kerana menjaga keselamatan rakyat Malaysia adalah tanggungjawab bersama dan bukan satu pihak sahaja.

Sorotan literatur

Malaysia juga tidak terlepas daripada salah satu destinasi atau pangkalan sindiket jenayah siber. Terutamanya dalam kalangan wanita yang bekerja, jenayah melalui internet meningkat dengan cepat. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Termimi et al. (2013) menyatakan bahawa jenayah siber ialah satu bentuk jenayah yang dilakukan menggunakan sebarang bentuk dan jenis peralatan elektronik membolehkan perlakuan jenayah dilakukan sama ada perseorangan atau berkumpulan menjangkau negara-negara dan tiada batasan. Menurutnya lagi, kemajuan teknologi siber telah membuka ruang kepada segelintir masyarakat untuk menyalahgunakan kemudahan tersebut untuk kepentingan masing-masing. Terdapat beberapa jenis scam yang sering berlaku di Malaysia antaranya ialah Macau Scam, Love Scam, Skim Cepat Kaya dan Phishing. Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejak 2020 hingga Mei lalu, 71,833 kes jenayah komersial telah disiasat, menyebabkan kerugian lebih RM5.2 bilion. Sebanyak 48,850 kes, atau 68% daripada jumlah terbabit, adalah jenayah komersial yang berkaitan dengan penipuan dalam talian, kata Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani, Ketua

Polis Negara. Menurut beliau, kebanyakan kes 'Love Scam' ini dilakukan Dimana mereka yang menyamar sebagai kekasih kepada mangsa sebelum memperdayakan mangsa memindahkan duit bagi tujuan penghantaran atau tuntutan barangan manakala kes 'Macau Scam' pula membabitkan sindiket yang berpura-pura menjadi pihak berkuasa dan mendorong mangsa untuk memindahkan wang untuk kes yang didakwa bersabit mereka.

Kes penipuan scammer ini bukan sahaja melibatkan rakyat Malaysia sahaja, bahkan rakyat luar negara juga turut ditipu oleh scammer dari Malaysia. Menerusi penyiasat jenayah siber dari New South Wales, Australia, Ken Gamble telah menjalankan siasatan antarabangsa ke atas kes komplot penipuan "bilik dandang" yang menggunakan pusat panggilan untuk menipu pelabur untuk membeli saham syarikat palsu. Sindiket itu menyasarkan pelabur yang tidak mengesyaki apa-apa di seluruh dunia, termasuk orang Australia yang telah ditipu dengan kira-kira \$1 bilion. Jenayah scammer ini melibatkan pelbagai jenis golongan tanpa mengira usia. Seorang pelajar kejururawatan buntu apabila rancangan untuk membeli alat permainan video yang dijual dengan harga RM300 di TikTok akhirnya membawa kepada kerugian sehingga RM11,500. Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari berkata, "hasil penyiasatan menunjukkan bahawa pengadu telah membuat pembayaran secara beransur-ansur sejak Isnin minggu lepas hingga Sabtu lalu. Beliau juga menyatakan bahawa mangsa membuat sebanyak tiga belas kali transaksi berjumlah RM 11,500 ke dalam dua akaun bank yang berbeza dalam tempoh itu".

Pelbagai negara telah menggubal undang-undang kerana bahaya yang dibawa oleh kemajuan teknologi dan maklumat siber untuk setiap negara untuk memastikan kawalan dan perlindungan pengguna daripada jenayah siber yang sentiasa mengancam keselamatan dalam medium siber. Malaysia juga ada menggubal beberapa akta antaranya ialah Akta Jenayah Komputer (1997)²³, Akta Komunikasi dan Multimedia (1998)²⁴ dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 (Esmail et al., 2018). Melalui penggubalan undang-undang tersebut, Malaysia berusaha untuk menciptakan rangka kerja undang-undang yang memadai untuk mengendalikannya aktiviti jenayah siber dan memberikan perlindungan kepada pengguna dalam era digital. Akta Jenayah Komputer memberikan kuasa dan peraturan bagi penalti terhadap pelaku jenayah siber, sementara Akta Komunikasi dan Multimedia menyediakan asas undang-undang yang mengawal pengurusan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di negara ini. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 pula melindungi pengguna dalam urusan perdagangan elektronik dan memberikan mekanisme penyelesaian pertikaian bagi kepentingan pengguna. Melalui undang-undang ini, Malaysia berusaha untuk mencapai keseimbangan antara kemajuan teknologi dan perlindungan terhadap pengguna, serta memastikan pengguna dapat menggunakan teknologi dan media siber dengan keyakinan dan kepercayaan yang tinggi.

Menurut Zaidi (2022), negara Malaysia merekodkan sebanyak 1,535 kes penipuan cinta atau 'love scam' dilaporkan pada 2020. Ianya telah membabitkan kerugian yang tinggi iaitu berjumlah RM58.33 juta. Menurut Prof Madya Dr Geshina Ayu Mat Saat, Pensyarah Kanan Program Sains Forensik, Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) Universiti Sains Malaysia (USM) berkata, Antara jenis ganjaran yang biasanya ditawarkan kepada mangsa dapat dibahagikan kepada dua kategori utama. Kategori pertama adalah ganjaran yang ketara seperti wang tunai, telefon bimbit, hubungan seksual, dan harta benda material. Manakala, kategori kedua adalah ganjaran yang tidak

ketara seperti tawaran pekerjaan, peluang melancong, kenaikan pangkat, akses kepada organisasi, kumpulan, atau sistem yang terbatas. Berdasarkan kajian, terdapat sekurang-kurangnya enam jenis golongan mangsa yang dapat dikenalpasti, iaitu tahap pengetahuan mangsa, Faktor rentan yang mempengaruhi mangsa, personaliti mangsa yang berpotensi menjadi sasaran, tingkat kerjasama yang diberikan oleh mangsa, jenis dan jumlah kerugian yang dialami oleh mangsa dan kemungkinan mangsa membuat laporan polis. Penipuan cinta memiliki sifat yang sangat peribadi, di mana mangsa terpengaruh oleh aspek-aspek percintaan yang terlibat dalam penipuan tersebut," demikian ungkapan Dr. Geshina Ayu dalam satu kenyataan. Dr. Geshina Ayu menjelaskan bahawa tidak ada taktik khusus yang digunakan dalam jenis penipuan ini. Pelaku penipuan menggunakan berbagai kaedah dan taktik untuk memaksimumkan ganjaran yang mereka dapatkan dari mangsa serta memperdaya mangsa sehingga mangsa merasa bahwa penipuan tersebut tidak melanggar undang-undang.

Pendedahan kesedaran terhadap hak pengguna merupakan pendekatan penting dalam mengatasi masalah jenayah siber bagi pengguna di Malaysia (Pitchan dan Omar, 2019). Kajian oleh Pitchan dan Omar (2019) turut menyokong pandangan ini dengan menekankan pentingnya kesedaran terhadap undang-undang siber sebagai langkah pencegahan jenayah siber. Walaupun begitu, penguatkuasaan undang-undang berkaitan jenayah siber telah menjadi cabaran bagi kerajaan. Namun, kerajaan telah berjaya menubuhkan pelbagai undang-undang dan akta yang berkaitan dengan penyalahgunaan internet, seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Fitnah 1957, dan undang-undang lain.

Instrumen dan Metod Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada cara dan langkah sistematik yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang relevan bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Bahagian ini akan menjelaskan kaedah pengumpulan data, reka bentuk kajian, pemilihan responden, instrumen yang digunakan, serta kaedah analisis data.

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan, iaitu kajian yang dijalankan untuk mengumpul maklumat melalui soal selidik dalam kalangan responden yang dipilih daripada populasi sasaran. Reka bentuk ini sesuai digunakan untuk memahami tahap kesedaran masyarakat terhadap isu scammer yang semakin berleluasa di Malaysia.

Responden kajian

Sampel kajian terdiri daripada 101 orang responden yang dipilih secara rawak daripada kalangan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta masyarakat umum. Responden terdiri daripada 43 orang lelaki dan 58 orang perempuan. Pemilihan responden adalah berdasarkan sasaran untuk mendapatkan perspektif yang berbeza tentang tahap kesedaran masyarakat mengenai kes scammer di Malaysia.

Instrumen kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian (*Jadual 1*). Soal selidik ini menggunakan skala Likert lima mata (*Jadual 2*).

Jadual 1. Jadual klasifikasi mengikut jenis maklumat.

Bahagian	Jenis maklumat
A	Demografi responden
B	Pengetahuan Am
C	Faktor-faktor berlakunya kes Scammer
D	Cara mengatasi kes Scammer

Jadual 2. Jadual klasifikasi serta skor menurut kajian.

Skor	1	2	3	4	5
Definisi	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju

Kaedah pengumpulan dan analisis data

Data diperoleh daripada dua sumber utama, iaitu soal selidik dan kajian literatur. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian statistik untuk menghasilkan statistik asas seperti purata, peratusan, dan frekuensi. Manakala, kajian literatur melibatkan analisis terhadap sumber-sumber sekunder seperti artikel dan jurnal yang relevan bagi menyokong hasil kajian kuantitatif.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Demografi responden

Jadual 3 menunjukkan data demografi responden berdasarkan kajian yang dijalankan. Daripada seramai 101 responden yang terlibat dalam kajian ini, terdapat pembahagian yang seimbang dari segi jantina dengan 57 orang lelaki (56.4%) dan 44 orang perempuan (43.6%). Dari aspek umur, majoriti responden adalah dalam lingkungan umur 21 hingga 30 tahun (44.6%), diikuti oleh responden berumur 31 hingga 40 tahun (29.7%) dan 20 tahun ke bawah (25.7%). Dari sudut etnik, majoriti responden adalah berbangsa Melayu (79.2%), diikuti oleh bangsa Cina (14.9%) dan India (5%). Berdasarkan data kerjaya, 47.5% responden adalah pekerja, manakala 45.5% adalah pelajar, dan 6.9% adalah pesara. Demografi responden ini menunjukkan pelbagai latar belakang yang mewakili kumpulan umur, bangsa, dan kerjaya yang berbeza, menjadikan kajian ini lebih menyeluruh dalam persepsi terhadap kes scammer di Malaysia.

Jadual 3. Demografi responden.

Kriteria	Frekuensi (N)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	57	56.4
Perempuan	44	43.6
Umur		
< 20 tahun	26	25.7
21- 30 tahun	45	44.6
31- 40 tahun	30	29.7
Bangsa		

Melayu	80	79.2
Cina	15	14.9
India	5	5
Kerjaya		
Pelajar	46	45.5
Pekerja	48	47.5
Pesara	7	6.9

Tahap pengetahuan responden mengenai kes scammer di Malaysia

Platform yang menyebarkan maklumat scammer di Malaysia

Berdasarkan *Jadual 4*, majoriti responden (80.2%) menyatakan bahawa platform media sosial adalah sumber utama di mana mereka mengetahui tentang kes scammer di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan yang sangat besar dalam menyebarkan maklumat mengenai isu-isu semasa, termasuk jenayah scammer. Sebanyak 10.9% responden mendapat maklumat melalui berita dan radio, manakala hanya 5% responden yang menggunakan surat khabar sebagai sumber maklumat. Data ini juga mencerminkan perubahan trend di mana penggunaan media tradisional seperti surat khabar semakin berkurang dalam era digital kini. Platform lain-lain seperti komuniti atau sumber tak formal lain pula mencatatkan 3.9% responden. Jumlah yang rendah ini menunjukkan bahawa masyarakat lebih cenderung mendapatkan maklumat dari saluran utama seperti media sosial dan berita rasmi.

Jadual 4. Platform scammer.

Platform	Frekuensi (N)	Peratusan (%)
Media Sosial	81	80.2
Berita dan Radio	11	10.9
Akhbar	5	5
Lain-lain	4	3.9

Golongan yang kerap menjadi mangsa scammer di Malaysia

Berdasarkan *Jadual 5*, majoriti responden (53.5%) bersetuju bahawa warga emas merupakan golongan yang paling kerap menjadi mangsa scammer di Malaysia. Faktor utama yang menyumbang kepada kerentanan golongan ini adalah kerana mereka kurang terdedah kepada teknologi digital dan pengetahuan keselamatan siber. Kebanyakan warga emas mudah mempercayai pihak berkuasa dan institusi kewangan yang sering menjadi modus operandi scammer. Sebanyak 35.6% responden pula memilih golongan dewasa sebagai mangsa yang sering tertipu oleh scammer, terutama dalam kes-kes yang melibatkan tawaran pekerjaan atau pelaburan palsu. Golongan dewasa sering menjadi sasaran kerana keinginan untuk mendapatkan peluang pendapatan tambahan. Sementara itu, hanya 10.9% responden menyatakan bahawa remaja adalah golongan yang terlibat, kerana golongan ini biasanya lebih peka terhadap teknologi dan media sosial, namun mereka masih tidak terkecuali daripada terjebak dalam penipuan yang canggih.

Jadual 5. Golongan yang menjadi mangsa.

Golongan	Frekuensi (N)	Peratusan (%)
Warga Emas	54	53.5
Belia dan Dewasa	36	35.6
Remaja	11	10.9

Faktor berlakunya isu scammer di Malaysia

Jadual 6 merangkumi faktor-faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya kes scammer di Malaysia. Majoriti responden bersetuju bahawa faktor seperti mangsa mudah terpedaya dengan keuntungan (42% setuju, 47% sangat setuju) adalah penyebab utama. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan mangsa scammer tertarik dengan janji-janji keuntungan besar yang ditawarkan oleh scammer, tanpa mempertimbangkan risiko yang terlibat. Selain itu, kawalan nafsu diri yang rendah juga dianggap sebagai faktor penting, dengan 37% responden sangat bersetuju bahawa individu yang mempunyai nafsu diri yang rendah lebih cenderung menjadi mangsa scammer. Sikap ini sering kali membawa kepada keputusan yang terburu-buru tanpa menyelidik terlebih dahulu mengenai tawaran yang kelihatan menguntungkan. Sebanyak 40% responden sangat bersetuju bahawa tidak didedahkan kepada akibat yang bakal timbul juga merupakan sebab mengapa ramai yang terjebak dengan kes scammer. Terdapat kekurangan pendidikan dan kesedaran dalam masyarakat mengenai risiko sebenar yang terlibat. Tambahan pula, peranan media sosial yang berleluasa (40% setuju, 41% sangat setuju) turut dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada masalah ini. Media sosial memberikan ruang yang luas kepada scammer untuk menjalankan aktiviti mereka dengan mudah, terutamanya dalam kalangan golongan yang kurang berhati-hati. Penjelasan ini menggambarkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya kes scammer, dan kesedaran masyarakat serta pengawalan terhadap aktiviti media sosial perlu diperketatkan untuk mengurangkan kejadian ini.

Jadual 6. Faktor berlakunya isu scammer di Malaysia (Dalam peratusan, %).

Soalan	STS	TS	TP	S	SS
Mangsa mudah terpedaya atau tertarik dengan ciri keuntungan yang akan diperoleh daripada sesuatu agensi.	2	1	8	42	47
Kawalan atau nafsu diri (mangsa) yang rendah.	1	7	24	31	37
Tidak didedahkan kepada akibat yang akan timbul.	0	7	19	34	40
Tidak mahu mengambil tahu tentang isu scammer.	4	5	15	36	40
Media tidak mendedahkan tentang keskes scammer yang berlaku di Malaysia.	7	17	25	25	26
Perasaan takut akibat ugutan.	4	7	17	39	33
Peranan agensi kerajaan yang kurang menitikberatkan isu scammer.	6	9	25	30	30
Undang-undang bermedia sosial dalam Malaysia tidak ketat menyebabkan isu ini semakin meningkat.	2	3	16	36	43
Penyebaran diri individu tanpa kawalan.	1	2	25	36	36
Peranan media sosial yang berleluasa.	0	3	16	40	41

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju; TS=Tidak Setuju; TP=Tidak Pasti; S=Setuju; SS=Sangat Setuju.

Cara mengatasi isu scammer di Malaysia

Hasil dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju dengan berberapa perkara antaranya sebanyak 69% responden sangat bersetuju bahawa kerajaan perlu mengetatkan undang-undang yang berkaitan dengan scammer untuk membendung isu ini. Ini menunjukkan kepercayaan masyarakat bahawa undang-undang yang lebih tegas akan memberikan impak yang besar dalam membanteras kegiatan scammer (*Jadual 7*). Selain itu, sebanyak 63% responden sangat bersetuju bahawa penyebaran maklumat terkini mengenai scammer melalui platform media sosial adalah langkah yang berkesan. Penggunaan media sosial yang meluas menjadikannya medium terbaik untuk menyebarkan kesedaran dan amaran mengenai ancaman scammer. 51% responden sangat bersetuju bahawa pengawalan lebih ketat terhadap media komunikasi digital dapat membantu mengurangkan kes scammer. Ini menunjukkan pentingnya mengawasi

aktiviti yang berlaku di media sosial dan platform komunikasi untuk mengelakkan penyalahgunaan oleh scammer. Seramai 69% responden sangat bersetuju bahawa hukuman yang lebih berat perlu dikenakan kepada pelaku jenayah scammer. Langkah ini dilihat sebagai pencegah yang berkesan untuk mengurangkan insiden scammer kerana pelaku akan lebih takut dengan implikasi undang-undang yang berat. Keluarga juga memainkan peranan yang penting dimana 58% responden sangat bersetuju bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam membincangkan isu scammer dan berkongsi maklumat yang relevan untuk melindungi satu sama lain. Komunikasi dalam keluarga tentang isu-isu keselamatan siber dapat membantu mengekang penyebaran maklumat palsu dan penipuan. Perbincangan kajian ini membahaskan mengenai tiga objektif utama kajian iaitu menjelaskan situasi bagi kes scammer di Malaysia, mengkaji faktor-faktor berlakunya kes scammer, serta menganalisis cara untuk menyelamatkan rakyat Malaysia daripada menjadi mangsa scammer.

Jadual 7. Cara mengatasi isu scammer di Malaysia (Dalam peratusan, %).

Soalan	STS	TS	TP	S	SS
Pihak kerajaan atau sebaliknya perlu mengetatkan dan mengambil kira isu kes Scammer di Malaysia	0	2	3	26	69
Menyebarkan info terkini di semua platform media sosial	0	1	5	31	63
Mengetatkan jurang media komunikasi digital di platform media sosial	0	2	7	40	51
Hukuman yang lebih berat kepada individu yang terlibat	0	0	7	24	69
Keluarga perlu memainkan peranan dengan saling berkongsi maklumat	0	1	7	34	58

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju; TS=Tidak Setuju; TP=Tidak Pasti; S=Setuju; SS=Sangat Setuju.

Situasi bagi kes scammer di Malaysia

Dengan peningkatan penggunaan internet dalam kehidupan seharian, risiko menjadi mangsa penipuan dalam talian semakin tinggi. Penipuan internet merupakan masalah global, dengan penjenayah beroperasi dari pelbagai negara di seluruh dunia. Seperti negara-negara lain, Malaysia juga menghadapi masalah ini yang sukar dibendung. Berdasarkan hasil kajian soal selidik yang dilakukan terhadap responden yang terdiri daripada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), tahap kepekaan mereka terhadap jenayah siber berada pada tahap yang membimbangkan. Soalan pertama dalam soal selidik bertanya, “Di platform manakah anda mengetahui tentang kes scammer?” Majoriti responden, seramai 81 orang (80.2%), memilih media sosial sebagai platform utama untuk mendapatkan maklumat mengenai isu scammer. Ini tidak mengejutkan kerana media sosial membolehkan orang ramai berhubung dan berinteraksi secara meluas, sama ada dengan rakan, keluarga, mahupun komuniti. Maklumat tentang penipuan mudah tersebar dalam masa nyata melalui rangkaian sosial ini. Apabila seseorang menjadi mangsa penipuan, mereka cenderung untuk berkongsi pengalaman dengan orang lain, memberi amaran dan melindungi orang lain daripada serangan yang serupa. “Love scam” merupakan salah satu jenayah siber yang masih berlaku. Sebagai contoh, seorang wanita, kakitangan di sebuah institusi pengajian tinggi, melaporkan bahawa dia telah ditipu sebanyak setengah juta ringgit selepas terpedaya dengan seorang "kekasih" yang dikenali melalui media social.

Berikutan peningkatan jenayah siber, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, Teo Nie Ching, menyatakan bahawa Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) merancang untuk bekerjasama dengan penyedia aplikasi “Tiktok” bagi mewujudkan program kesedaran bernama “Stop For 3 Seconds” pada Januari 2023. Program ini bertujuan mendidik masyarakat untuk menyemak kesahihan setiap maklumat yang

diterima. Selain itu, seramai 11 orang responden (10.9%) memilih berita dan radio sebagai platform manakala hanya 5 orang responden (5%) memilih surat khabar. Walaupun platform berita, radio, dan surat khabar kurang dominan dalam menyebarkan maklumat tentang penipuan, ia masih penting sebagai sumber maklumat yang dipercayai. Soalan seterusnya dalam soal selidik bertanya, "Golongan manakah yang kerap menjadi mangsa scammer di Malaysia?" Seramai 54 orang responden (53.5%) memilih warga emas sebagai golongan paling mudah terpedaya. Ini disebabkan oleh faktor seperti kurangnya pendedahan terhadap teknologi digital dan pengetahuan keselamatan siber. Golongan ini juga biasanya mempercayai pihak berkuasa dan institusi kewangan, yang sering disalahgunakan oleh scammer untuk menipu mereka. Sebagai contoh, pada Mei 2022, seorang wanita warga emas berusia 77 tahun dilaporkan kehilangan hampir RM700,000 akibat terpedaya dengan "Macau Scam". Penipu menggunakan identiti palsu sebagai anggota polis dan mendakwa bahawa kad pengenalan mangsa telah digunakan dalam kes penipuan. Kerana takut akan dipenjarakan, mangsa segera memindahkan wang tanpa berfikir Panjang. Bagi golongan dewasa, mereka sering menjadi mangsa penipuan pekerjaan, pelaburan, dan promosi yang menjanjikan keuntungan besar. Tekanan rakan sebaya dan gaya hidup mewah yang dipamerkan di media sosial juga boleh mempengaruhi mereka. Oleh itu, penting untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai keselamatan siber di kalangan rakyat Malaysia.

Faktor-faktor berlakunya kes scammer

Berdasarkan hasil dapatan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), seramai 47 responden (47%) sangat bersetuju dan 42 responden (42%) bersetuju bahawa mangsa mudah terpedaya atau tertarik dengan ciri-ciri keuntungan yang dijanjikan oleh sesuatu agensi adalah faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya kes scammer. Hal ini kerana agensi tersebut sering menjanjikan pulangan wang yang besar, cepat, dan mendakwa tiada risiko yang bakal dihadapi pada masa hadapan. Keadaan ini menyebabkan individu yang didekati menjadi rambang mata dan terus bersetuju untuk melabur tanpa melakukan penyelidikan terperinci mengenai pelaburan tersebut. Rakyat Malaysia ternyata mudah terpengaruh dengan tawaran kebendaan, seperti yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang merekodkan 30,536 kes jenayah komersial dengan kerugian sebanyak RM1.73 bilion sepanjang tahun lalu (Rahim, 2023). Agensi yang terlibat sering berkongsi kisah kejayaan anak didik mereka bagi meyakinkan mangsa. Pelbagai barangan mewah seperti kereta, telefon pintar terkini, dan wang tunai dalam jumlah besar akan ditunjukkan sebagai hasil pelaburan. Mangsa sering terpedaya, merasakan agensi tersebut sah kerana kisah kejayaan yang digembar-gemburkan. Seterusnya, seramai 37 responden (37%) sangat bersetuju dan 31 responden (31%) bersetuju bahawa kawalan nafsu diri yang rendah merupakan faktor penting dalam berlakunya kes scammer. Kawalan nafsu yang rendah menyebabkan individu menjadi tamak serta hilang pertimbangan apabila didedahkan dengan jumlah pulangan yang besar. Namun, kebanyakan agensi pelaburan ini menggunakan taktik yang sama, di mana pelabur mendapat pulangan besar pada tiga bulan pertama, tetapi selepas itu, agensi tersebut menghilang. Walaupun taktik ini sering didedahkan dalam berita, kes jenayah scammer terus meningkat. Rakyat Malaysia perlu belajar dari kesilapan lalu dan meningkatkan kawalan diri agar tidak menjadi mangsa seterusnya. Jumlah kerugian

akibat scammer bukanlah sedikit, malah ada yang terpaksa memulakan hidup baru akibat kerugian besar yang dialami.

Selain itu, seramai 40 responden (40%) sangat bersetuju dan 34 responden (34%) bersetuju bahawa kurangnya pendedahan tentang akibat yang bakal timbul juga merupakan faktor utama berlakunya kes scammer. Ini menunjukkan bahawa kesedaran rakyat Malaysia mengenai bahaya scammer masih rendah. Walaupun media sering melaporkan kes scammer, jenayah ini terus berada di puncak carta jenayah di negara ini. Jenayah scammer sering melibatkan warga emas dan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, di mana pengetahuan mengenai jenayah siber adalah terbatas. Justeru, anak-anak yang tinggal di bandar dan mendapat pendidikan lebih baik sepatutnya membantu ibu bapa mereka di kampung dengan memberikan maklumat mengenai risiko yang bakal dihadapi sekiranya mereka terlibat dengan scammer. 101 responden, seramai 40 responden (40%) sangat bersetuju dan 36 responden (36%) bersetuju bahawa sikap tidak mahu mengambil tahu tentang isu scammer juga merupakan faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini. Sikap sambil lewa terhadap risiko penipuan, terutamanya dalam kalangan generasi muda, disebabkan oleh kesibukan kerja dan kehidupan yang pantas, menjadikan mereka terdedah kepada penipuan siber. Pepatah Melayu "malang tidak berbau" harus diambil iktibar dan kita sepatutnya "sediakan payung sebelum hujan" dengan mengambil pelajaran dari pengalaman orang lain. Seramai 26 responden (26%) sangat bersetuju dan 25 responden (25%) bersetuju bahawa kurangnya pendedahan oleh media tentang kes scammer adalah salah satu faktor berlakunya kes ini. Namun, tidak adil untuk menyalahkan media secara keseluruhan kerana media telah banyak berperanan dalam menyebarkan maklumat mengenai scammer di pelbagai platform sosial. Kempen anti-scammer dan iklan di televisyen juga telah banyak dijalankan. Rakyat Malaysia seharusnya mengambil inisiatif dengan rajin membaca mengenai isu ini, sama ada melalui media sosial atau sumber berita dalam talian. Kebiasaan membaca setiap hari selama 10-15 minit dapat membantu meningkatkan kesedaran tentang jenayah siber yang berlaku.

Di samping itu, seramai 33 responden (33%) sangat bersetuju dan 39 responden (39%) bersetuju bahawa perasaan takut akibat ugutan adalah faktor utama mengapa mangsa scammer sering mengikuti arahan penipu. Penipu sering menggunakan taktik ugutan seperti ancaman penjara atau dakwaan di mahkamah untuk menakutkan mangsa, menyebabkan mereka panik dan bertindak tanpa berfikir panjang. Penipuan ini kerap kali melibatkan panggilan telefon yang kononnya dari pihak berkuasa, di mana mangsa diberitahu bahawa mereka perlu membayar denda besar atau menghadapi masalah undang-undang serius. Seramai 60 responden (60%) bersetuju bahawa peranan agensi kerajaan yang kurang menitikberatkan isu scammer juga menyumbang kepada berlakunya kes scammer. Undang-undang siber yang sedia ada di Malaysia masih mempunyai kelemahan. Contohnya, Akta Jenayah Komputer 1997 mempunyai batasan dalam menangani kes-kes yang melibatkan kecurian data digital. Tempoh penyiasatan yang lama dan proses pendakwaan yang tertangguh turut menyukarkan usaha memerangi jenayah siber.

Langkah mengatasi isu scammer di Malaysia

Jenayah siber merupakan ancaman yang semakin berkembang pesat di era digital ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 69 orang pelajar (69%) sangat bersetuju bahawa kes jenayah siber atau scammer di Malaysia perlu diambil serius oleh pihak berwajib. Langkah yang perlu diambil termasuklah mewujudkan undang-undang yang

lebih kukuh, menetapkan sekatan yang sesuai, dan menguatkuasakan undang-undang yang selaras dengan perkembangan teknologi serta trend semasa untuk mengawal aktiviti jenayah siber daripada terus berleluasa. Salah satu contoh akta yang berkaitan dengan jenayah siber di Malaysia ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Walaupun akta ini tidak mengawal selia jenayah siber secara khusus, beberapa perkara di dalam akta ini menangani aktiviti haram yang berkait rapat dengan komunikasi dan multimedia, termasuk jenayah siber. Di samping Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, terdapat usaha untuk membangunkan undang-undang yang lebih khusus mengenai jenayah siber. Sebagai contoh, pada tahun 2020, Kerajaan Malaysia mengumumkan Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi, yang bertujuan untuk melindungi data peribadi individu dan mengawal selia kewajipan organisasi dalam pemprosesan data. Agensi yang bertanggungjawab bagi Rang Undang-Undang ini adalah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Namun begitu, terdapat 2% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan pertama dalam soal selidik ini. Selain itu, majoriti responden (63%) bersetuju bahawa penyebaran maklumat terkini melalui pelbagai platform media sosial adalah cara yang berkesan untuk mengatasi kes jenayah siber di Malaysia, manakala hanya 3% responden tidak bersetuju. Penyebaran maklumat mengenai jenayah siber melalui media sosial dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai ancaman yang ada serta taktik yang digunakan oleh penjenayah siber. Media sosial kini menjadi platform yang berkesan untuk memberikan panduan praktikal tentang keselamatan siber, membantu individu memahami risiko serangan siber, serta langkah-langkah perlindungan yang boleh diambil. Pengguna juga sering berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang isu ini, yang boleh dijadikan pengajaran kepada pengguna lain.

Melalui media sosial, mangsa boleh melaporkan kes jenayah siber kepada pihak berkuasa, yang seterusnya boleh mengambil tindakan sewajarnya untuk menyiasat dan menangani pelaku jenayah tersebut. Kerjasama antara pihak berkuasa, pihak berkepentingan, dan masyarakat dalam usaha memerangi jenayah siber dapat diperkukuhkan melalui platform media sosial ini. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 51% responden sangat bersetuju bahawa memperketatkan kawalan komunikasi digital di media sosial boleh membantu dalam mengawal isu scammer di Malaysia. Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk merapatkan jurang dalam kawalan komunikasi digital, termasuk memperketatkan proses pengesahan akaun dan memantau aktiviti yang mencurigakan. Proses ini akan membantu pihak berkuasa mengenal pasti akaun yang terlibat dalam aktiviti jenayah siber. Selain itu, pengenalan mekanisme pelaporan yang mudah diakses akan membolehkan pihak berkuasa menangani kes-kes ini dengan lebih pantas dan berkesan. Hasil kajian juga mendapati bahawa hampir keseluruhan responden (69%) sangat bersetuju bahawa hukuman yang lebih berat perlu dikenakan terhadap pelaku jenayah siber. Hukuman yang lebih berat akan memberikan kesan pencegahan kepada bakal pelaku jenayah siber dengan mengurangkan niat mereka untuk melakukan aktiviti haram. Ancaman hukuman yang berat boleh menyebabkan individu berfikir dua kali sebelum melakukan serangan siber. Namun, mengenakan hukuman yang berat sahaja tidak mencukupi. Usaha lain perlu dilakukan, termasuk meningkatkan keselamatan siber, memberi pendidikan awam mengenai ancaman jenayah siber, serta meningkatkan keupayaan penguatkuasa undang-undang dalam menyiasat dan menangani kes jenayah siber. Kerjasama antara pihak berkuasa, sektor swasta, dan masyarakat juga penting untuk memastikan keberkesanan usaha ini.

Di samping itu, hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 58% responden sangat bersetuju bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam berkongsi maklumat tentang jenayah siber. Perkongsian maklumat dalam kalangan ahli keluarga dapat membantu mengurangkan risiko jenayah siber. Ini kerana keluarga merupakan persekitaran yang kukuh dalam membina kepercayaan dan komunikasi. Ahli keluarga yang mempunyai hubungan rapat sering kali lebih terbuka untuk berkongsi pengalaman dan kebimbangan mengenai ancaman siber. Selanjutnya, ibu bapa juga harus memainkan peranan dengan memantau dan menghadkan akses kanak-kanak atau ahli keluarga yang mungkin terdedah kepada penipuan atau penyalahgunaan dalam talian. Ini termasuk memantau aktiviti dalam talian, menetapkan had masa penggunaan internet, dan memastikan semua ahli keluarga menggunakan internet dengan selamat dan bertanggungjawab.

Kesimpulan

Penularan berita palsu di Malaysia merupakan isu yang berterusan. Walau bagaimanapun, ia boleh diselesaikan jika semua pihak bersatu dan memikul tanggungjawab masing-masing dengan penuh amanah. Setiap peringkat masyarakat, termasuk kerajaan, badan pelaksana, pendakwah, intelektual, media, dan masyarakat umum, perlu memberi perhatian serius kepada ciri-ciri berita palsu, serta punca dan kesan penularannya. Kaedah penyelesaian masalah yang berasaskan dua tunggak utama, iaitu pendidikan dan undang-undang, perlu dipertingkatkan seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang. Langkah ini diperlukan untuk memastikan bahawa sistem sosial dan kesedaran moral, yang merupakan asas penyebaran berita palsu, terus dipelihara (Azahari dan Jasmi, 2022). Dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), platform siber semakin mendapat perhatian masyarakat untuk pelbagai tujuan. Walaupun dunia moden memudahkan kehidupan manusia, terdapat individu yang menyalahgunakan kemajuan ini untuk mencipta persekitaran tidak harmoni dan tidak selamat di platform atas talian. Untuk memastikan pengguna digital memahami hak mereka, terutamanya dalam mengakses, menganalisis, dan menilai kandungan mesej atau maklumat, penguatkuasaan undang-undang yang tegas serta peningkatan literasi media perlu dilaksanakan di pelbagai peringkat usia. Ini bertujuan untuk memupuk kematangan pengguna dalam menggunakan teknologi komunikasi siber secara bijak.

Di Malaysia, penyebaran berita palsu berterusan. Semua pihak perlu memikul tanggungjawab masing-masing dengan penuh amanah. Kerajaan, media, badan pelaksana, pendakwah, intelektual, dan masyarakat umum perlu bekerjasama untuk mengatasi masalah ini. Kaedah penyelesaian yang berasaskan pendidikan dan undang-undang perlu dipertingkatkan bagi menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi maklumat. Langkah ini penting untuk memastikan keselamatan sosial dan moral kekal terpelihara. Langkah-langkah keselamatan seperti mengelak daripada menggunakan identiti sebenar ketika mendaftar di laman sosial seperti Facebook, tidak meletakkan gambar peribadi, dan tidak mengadakan pertemuan dengan kenalan siber yang baru dikenal, perlu diambil. Penggunaan laman sosial dengan tidak berhati-hati boleh menyebabkan jenayah siber seperti intipan. Pengguna harus berhati-hati dan sedar akan bahaya ini. Peranan dan kepentingan undang-undang untuk menangani jenayah siber juga mesti diambil kira. Malaysia kini menggunakan pelbagai akta untuk menangani jenayah siber, tetapi tiada undang-undang khusus untuk menangani jenayah seperti

intipan siber. Oleh kerana dunia maya menghadirkan cabaran dalam membuktikan elemen jenayah seperti niat (*mens rea*) dan tindakan jenayah (*actus reus*), undang-undang yang lebih spesifik perlu diwujudkan. Ini akan memastikan setiap jenis jenayah siber dapat dikawal, termasuk jenayah yang berlaku dalam talian yang tidak sesuai dengan peruntukan undang-undang tradisional seperti Kanun Keseksaan.

Kita memerlukan infrastruktur undang-undang yang direka khusus untuk menangani peningkatan jenayah siber. Undang-undang ini perlu kuat dan relevan dengan perkembangan teknologi siber untuk memastikan proses pembuktian jenayah dalam alam maya berjalan lancar dan hukuman yang setimpal dapat dikenakan kepada pelaku jenayah siber. Menghadapi jenis jenayah baru yang dicipta oleh dunia maya memang mencabar, oleh itu undang-undang mesti disesuaikan dengan keperluan unik dunia internet. Dengan kesedaran mengenai keselamatan siber, pemantauan ibu bapa, dan undang-undang yang sesuai, insiden intipan siber dapat ditangani dengan lebih baik. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa semua lapisan masyarakat yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini mengambil berat mengenai isu penipuan dalam talian di Malaysia. Sebanyak 47% responden menunjukkan bahawa mereka mudah tertarik dengan keuntungan yang dijanjikan oleh penipu. Sebaliknya, 69% responden menyatakan bahawa kerajaan Malaysia perlu lebih serius dalam menangani kes scammer untuk melindungi generasi akan datang. Oleh itu, pengetahuan mengenai penipuan dan berita palsu perlu disebar dengan lebih meluas agar orang ramai dapat menyampaikan maklumat dengan betul dan sah.

Kemajuan teknologi harus digunakan untuk tujuan yang baik dan tidak disalahgunakan untuk agenda tersembunyi yang boleh membawa bahaya. Pengguna harus bijak dalam membezakan antara perlakuan yang baik dan tindakan yang boleh mencetuskan konflik serta kebencian. Penjenayah siber sentiasa mencari kelemahan, sama ada dari segi teknikal atau sikap pengguna, untuk melakukan jenayah.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberi sehingga kajian ini berjaya untuk diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Airaj, S. (2024): The increase of cybercrime amidst the COVID-19 pandemic: A spotlight on the Moroccan context. – *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 5(2): 204-212.
- [2] Azahari, M.A.M., Jasmi, K.A. (2022): Penularan Berita Palsu di Malaysia. – In *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan* 4(1): 391-398.
- [3] Bidin, A., Mohamad, A. (2015): Intipan Siber: Jenayah Baru dalam Masyarakat Kontemporari [Cyber Types: New Crime in a Contemporary Society]. – *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11: 10-21.

- [4] Boyle, D.A. (2020): Older adults and scam awareness. – *Clinical Journal of Oncology Nursing* 24(4): 434-437.
- [5] Chigada, J., Madzinga, R. (2021): Cyberattacks and threats during COVID-19: A systematic literature review. – *South African Journal of Information Management* 23(1): 1-11.
- [6] Esmail, N.K., Hassan, R.A., Karto'On, Z.A.A., Kamaruddin, N.A. (2018): Hubungan Antara Jenayah Penipuan Internet dengan Pengurusan Produktiviti Pekerjaan. – *Universiti Malaysia Sabah* 79p.
- [7] Pitchan, M.A., Omar, S.Z. (2019): Dasar keselamatan siber Malaysia: Tinjauan terhadap kesedaran netizen dan undang-undang. – *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(1): 103-119.
- [8] Termimi, A., Rosele, M.I., Meerangani, K.A., Marinsah, S.A., Ramli, M.A. (2013): Jenayah siber: pengelasan di antara Al-Jaraim dan Al-Jina'i menurut sistem perundangan Islam. – In: *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society* 2013 13p.
- [9] Voronkova, V., Nikitenko, V., Kapitaneko, N., Andriukaitiene, R., Oleksenko, R. (2020): Cybercrime as the newest phenomenon of information and communication society and the means of its prevention. – *Newsletter on the Results of Scholarly Work in Sociology, Criminology, Philosophy and Political Science* 1(2): 48-57.
- [10] Zaidi, H.A. (2022): Love Scam makin berleluasa, kerugian RM58.33 juta pada 2020. – *Harian Metro Web Portal* 7p.